

Soalan No: 62

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING  
[PENAMPANG]**

**TARIKH : 25.7.2017**

**SOALAN :**

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berkenaan Surat Kementerian Pelajaran Bertarikh 7hb Januari 1976 (Perkeliling Ikhtisas Bil. 2/1976 - Potongan Rambut Murid-Murid) masih dikukuhkan dan jika masih, apakah tindakan Kementerian terhadap beberapa sekolah-sekolah yang telah melanggar pekeliling tersebut dan melaksanakan pemotongan rambut secara '3-2-1' kepada murid-murid lelaki.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang meneliti surat pekeliling berkaitan potongan rambut yang sedang diperhalusi oleh pejabat Peguam Negara melalui Peraturan-Peraturan Pendidikan (Disiplin Murid). Pada masa sekarang, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1976; Potongan Rambut Murid-Murid masih kekal. KPM juga sentiasa memantau pematuhan pihak sekolah terhadap peraturan dan garis panduan potongan rambut murid seperti yang telah ditetapkan.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI  
PANGLIMA JOSEPH PAIRIN  
KITINGAN [KENINGAU]**

**TARIKH : 25 JULAI 2017 (SELASA)**

**SOALAN : 63**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah pelaksanaan naik taraf jalan dari gravel kepada aspal di Kampung Skim Pamalan Keningau sejauh 2.3km dan Kampung Padang Tembak Keningau sejauh 3.2km seperti yang diumumkan oleh YB semasa lawatan kerja ke kawasan ini tahun 2016 yang lalu.

**JAWAPAN :**

Untuk maklumat Yang Berhormat, cadangan menaik taraf jalan dari gravel kepada aspal di Kampung Skim Pamalan Keningau sejauh 2.3km dan Kampung Padang Tembak Keningau sejauh 3.2km belum tersenarai dalam kelulusan projek RMKe11.

Walau bagaimanapun, Kementerian mengambil maklum dan siasatan anggaran kos dan skop akan dilaksanakan sebelum diangkat kepada pihak Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi kelulusan pelaksanaan akan datang. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak UPE, JPM dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.